

Pelajar sains, teknologi hanya 20%

Strategi baharu diperkenal tingkatan minat

MD AZRIN ROSLY | 05 Mac 2016 12:10 AM



KUCHING 4 Mac - Nisbah pelajar dalam aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik di negara ketika ini hanya sebanyak 20 peratus.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, kementeriannya bersama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan telah diarah bagi mengatur program serta strategi baharu bagi meningkat peratusan berkenaan.

Katanya, langkah itu perlu diambil bagi memastikan hasrat negara meningkatkan nisbah sains:sastera kepada 60:40 menjelang 2020 dapat tercapai.

“Antara sebabnya adalah kerana sesetengah guru tidak begitu bermotivasi semasa mengajar, sekali gus menyebabkan pelajar tidak berminat dengan apa yang diajar.

“Selain itu, ketiadaan makmal atau makmal yang tidak lengkap. Ini menyebabkan pelajar tidak meminati subjek sains. Sepatutnya makmal perlu dilengkapi untuk mengembalikan keseronokan pelajar mempelajari sains,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Karnival Kreativiti & Science4u 2016 Zon Sarawak di Dewan Suarah Kuching hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, dari segi jantina pula, ketika ini peratusan wanita lebih tinggi iaitu sebanyak 80 peratus berbanding lelaki sekadar 20 peratus.

Beliau memberitahu, punca berkenaan diperoleh daripada hasil kajian oleh Akademi Sains Malaysia dalam Science Outlook yang dikeluarkan pertama kali tahun ini.

“Baru-baru ini juga dalam mesyuarat Majlis Sains Negara, langkah-langkah akan diambil untuk meminda Akta Jabatan Perangkaan supaya diwajibkan data-data berkenaan sains dan teknologi dihantar kepada jabatan berkenaan agar Science Outlook dapat dikeluarkan setiap tahun,” jelasnya.

Dalam pada itu, Madius memberitahu, kementeriannya juga sedang memperkenalkan satu pengajaran dan pembelajaran Sains baharu yang dipanggil inquiry base science education dari Perancis.

Katanya, apa yang menarik ialah guru-guru bukan opsyen sains boleh mengajar kerana dia hanya sebagai fasilitator dalam proses pengajaran yang bermula daripada taman didikan kanak-kanak (tadika), sekolah rendah dan menengah.

“Kita dapati dalam projek rintis yang dilaksanakan di empat sekolah pencapaian terendah di Lembah Klang, hasilnya dapat mengatasi sekolah prestasi tinggi kerana pelajar begitu seronok dengan sains.

“Saya sendiri meluangkan masa dalam kelas berkenaan selama sejam dan nampak pelajar begitu seronok dengan sains,” ujarinya.

- See more at: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pelajar-sains-teknologi-hanya-20-1.197068#sthash.W4SieEXV.dpuf>